



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
(Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGURUSAN SUMBER  
ARAS 1, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
62628 PUTRAJAYA.



<http://www.dof.gov.my>

[hqhelp@dof.gov.my](mailto:hqhelp@dof.gov.my)

Telefon : 03-88704406

Faks (PPS) : 03-88891233

Faks (Ketua Pengarah) : 03-88892460

Ruj.Kami : Prk.ML.59/ab JD-4 (29)  
Tarikh : 10 Januari 2014

**Y.B. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Aras 17, Blok 4G1, Wisma Tani  
62624, Presint 4  
**PUTRAJAYA**

Y.B. Dato' Sri,

**BEKALAN ISI PUKAT PE 38MM UNTUK BAHAGIAN KERONCONG PUKAT TUNDA OLEH PENGILANG/PENGIMPORT/PEKEDAI YANG MENJUAL ISI PUKAT TUNDA**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara tersebut di atas dan memo daripada Pejabat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bil. KP/MP/490 (99) bertarikh 26 Disember 2013 mengenai perkara yang sama adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan penguatkuasaan peraturan saiz mata pukat keroncong 38 mm bagi pukat tunda telah mula dilaksanakan pada 1 **November 2013** oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Sehubungan itu, beberapa isu telah dibangkitkan oleh pengusaha pukat tunda kepada Y.B. Dato' Sri dan juga Jabatan. Y.B. Dato' Sri telah mengarahkan Jabatan untuk membuat survei mengenai isu berkenaan daripada kilang-kilang pengeluar dan kedai-kedai jualan isi pukat tunda.

3. Oleh itu, Jabatan telah mengadakan satu mesyuarat berkaitan bekalan isi pukat PE 38 mm untuk bahagian keroncong pukat tunda bersama-sama pengilang/pengimport/pekedai yang menjual isi pukat tunda pada 25 November 2013 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Mutiara, Aras 6, Jabatan Perikanan Malaysia.

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



4. Sehubungan itu, Jabatan telah membuat keputusan hasil daripada mesyuarat tersebut dan mengeluarkan surat pekeliling mengenai bekalan isi pukat PE 38mm untuk bahagian keroncong pukat tunda kepada semua Pejabat Perikanan Negeri (PPN) bil. Prk.ML. 59/96 Jld. 4 (24) bertarikh 28 November 2013 seperti berikut:


- i) Pengilang perlu membekalkan sampel saiz mata keroncong 38mm bagi pukat tunda beserta pamflet syarikat kepada Ibu Pejabat Perikanan, Putrajaya untuk diedarkan kepada semua PPN sebagai sampel mata keroncong pukat tunda yang dibenarkan oleh Jabatan.
- ii) Semua PPN perlu mengadakan sesi penerangan kepada semua pembekal/pekedai yang menjual isi pukat tunda di negeri masing-masing tentang saiz mata keroncong pukat tunda yang dibenarkan oleh Jabatan serta teknik pengukuran yang dilakukan oleh Jabatan yang diambil mengikut ukuran tegang dalam mata pukat (*internal stretched measure at the cod end*) seperti mana surat Arahan Tatacara Pengukuran Saiz Mata Pukat Keroncong Pukat Tunda Tidak Kurang Daripada 38 MM yang telah dikeluarkan oleh Jabatan sebelum ini.
- iii) Arahan Kelonggaran Penguatkuasaan Saiz Mata Pukat Keroncong Pukat Tunda Tidak Kurang Daripada 38 MM yang telah dikeluarkan oleh Jabatan sebelum ini melalui surat bil. PRK.ML. 34/55 JLD. 23 (74) bertarikh 13 November 2013 ditetapkan selama **enam (6) bulan sahaja** dari tarikh penguatkuasaan syarat tersebut dilaksanakan iaitu pada 1 November 2013. Ini adalah bertujuan untuk memberi ruang kepada pemilik vesel pukat tunda untuk bertukar sepenuhnya kepada minimum saiz mata keroncong 38mm.

5. Segala perhatian dan kerjasama daripada Y.B. Dato' Sri dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD )**  
Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia  
Ibu Pejabat Perikanan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

s.k

**YBHG. DATUK MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Aras 15, Blok Menara 4G1, Wisma Tani  
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62624 PUTRAJAYA**

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber